

SYARAT DAN PERATURAN MENGIKUT KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN

ANUGERAH PEMBELAJARAN IMERSIF DAN TERADUN

1. 3.13.1 Anugerah ini diperkenalkan untuk memberi pengiktirafan kepada staf akademik yang telah mengaplikasikan pendekatan pembelajaran secara maya. Pendekatan ini seharusnya berupaya untuk menyediakan pengalaman pembelajaran imersif dalam sesi PdP.
2. 3.13.2 Kriteria pencalonan adalah seperti berikut:
 - i. Telah menggabungkan pembelajaran dalam talian dan bersemuka dengan memberi impak mendalam terhadap pengalaman dan pencapaian pembelajaran pelajar. Di antara metod yang digunakan ialah VR/ AR/ Simulasi Maya/ MOOCs/ LMS/ Online Class/ *Blended Learning/ Flipped Classroom*.
 - ii. Pengalaman pembelajaran yang dialami oleh para pelajar terbukti telah mencapai sekurang-kurangnya satu (1) hasil pembelajaran.
 - iii. Menggunakan pendekatan teradun bermakna iaitu di antara 30-80% SLT berlaku dalam bentuk digital tanpa bersemuka. Calon perlu melampirkan bukti pembelajaran telah berlaku secara digital atau atas talian seperti laporan analisis pelajar yang menggunakan platform dalam talian.
 - iv. Mengambil kira faktor kreativiti staf akademik dalam menyediakan bahan-bahan PdP secara dalam talian dengan elemen kreatif media seperti audio, video, animasi, interaksi, teks dan imej dalam kandungan PdP.
 - v. Staf akademik yang telah memenangi tiga (3) kali anugerah tidak boleh dicalonkan.
3. Kelebihan kepada staf akademik yang pernah memenangi anugerah dalam pameran/ ekspo yang berkaitan dengan PdP dalam talian.